

B518  
MAHATHIR  
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 4 OKT (BERNAMA) — KERAJAAN SEDANG MENINJAU KEMUNGKINAN MENGENAKAN CUKAI YANG LEBIH TINGGI KE ATAS KENDERAAN KENDERAAN YANG TERLALU BANYAK MENGGUNAKAN MINYAK, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENAMBAH BAHAWA KERAJAAN BERCADANG MENGGALAKKAN PENGGUNAAN KENDERAAN KENDERAAN YANG KURANG MENGGUNAKAN BAHAN API.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENYATAKAN JENIS CUKAI YANG AKAN DIPERTIMBANGKAN OLEH KERAJAAN ATAUPUN TARIKH CUKAI ITU DIKENAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMERITA SELEPAS MELANCARKAN PERAYAAN TAHUNAN KE-25 LAND ROVER LTD. (U.K.) DAN CHAMPION ORCHARD MOTORS DI SINI.

TERDAHULU DARI ITU, KETIKA BERUCAP DI PELANCARAN ITU BELIAU MENGGESA PERUSAHAAN MOTOR MEMPERBAIKI LAGI KEADAAN ENJIN SUPAYA PENGGUNAAN MINYAK DAPAT DIKURANGKAN LAGI. — BERSAMBUNG 1322/YF

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA ADALAH PENTING BAGI PERUSAHAAN MOTOR MEMPERBAIKI KEADAAN ENJIN AGAR KENDERAAN MENGGUNAKAN SEDIKIT SAHAJA MINYAK DAN DI WAKTU YANG SAMA TIDAK MENCEMARKAN ALAM SEKITAR.

KERAJAAN BERHARAP PERUSAHAAN MOTOR AKAN BERUSAHA KE ARAH ITU DAN BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MELAKUKAN DEMIKIAN MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG CERAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA PERUSAHAAN MOTOR MERUPAKAN SATU PERUSAHAAN YANG BERKEMBANG DAN ADALAH MENJADI HASRAT KERAJAAN MEMASTIKAN PERUSAHAAN ITU BERGERAK MENGIKUT LANDASAN YANG BETUL.

KATANYA, +KITA MESTILAH MENGGUNAKAN MINYAK DENGAN CARA YANG PALING EKONOMI.+

TERDAHULU DARI ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PARA PEMILIK LAND ROVER YANG TERTUA DAN YANG TERJAGA DENGAN BAIK DALAM SATU PERTANDINGAN YANG DIADAKAN. — BERNAMA 1326/YF